



LAKARAN KEMBARA TRANSFORMASI

TAN SRI
MOHAMAD
ZABIDI
ZAINAL

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



DBP

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

LAKARAN KEMBARA TRANSFORMASI

TAN SRI
MOHAMAD
ZABIDI
ZAINAL

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

Lakaran Kembara Transformasi: Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merupakan koleksi pemikiran dan aspirasi yang luhur daripada suara nurani Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Malaysia yang ke-21. Buku ini merupakan pemurnian hasrat beliau melalui idealisme, cetusan gaya berfikir, intelektualisme, aktivisme serta gagasan dan iltizam sepanjang mendepani badai dan gelora bergelar KPPA. Agenda Transformasi Perkhidmatan Awam – sebuah ceritera perjalanan yang mendukung wawasan YAB Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara – telah diletakkan batu asasnya oleh beliau sebaik sahaja memegang tampuk kepimpinan Jabatan Perkhidmatan Awam. Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam bertunjangkan lima teras strategik yang merangkumi aspek bakat, organisasi, penyampaian perkhidmatan, keterangkuman dan nilai, menjadi antara ramuan terbesar yang membentuk kerangka ucapan beliau dalam setiap program, aktiviti dan mesyuarat utama. Berbekalkan pengalaman, ketajaman pengamatan dan kebestarian hikmah, beliau mengadun segala ilmu yang dikutip menerusi pengembaraan perkhidmatannya yang begitu luas – dari sebuah desa di negeri Melaka ke mercu perdana di Putrajaya – merentas pelbagai spektrum perkhidmatan pada peringkat daerah, pentadbiran kerajaan negeri, latihan dan pendidikan luar negara, kementerian dan agensi persekutuan. Penerbitan kompilasi ucapan Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal ini amat wajar dijadikan renungan, rujukan dan sumber ilham dalam memahami dan menelusuri pemikiran beliau yang terbukti berjaya mencapai pelbagai kejayaan agenda Transformasi Perkhidmatan Awam.

